



Mimbar Darul Tafsir

#72: Satu Ayat Al-Quran Bagi Menjadi Muslim Yang Baik

Penulis Artikel

USTAZ DR. MUHAMMAD HANIFF HASSAN

Felo | Sekolah Pengajian Antarabangsa S. Rajaratnam (RSIS)
Universiti Teknologi Nanyang Singapura



Al-Khair Mosque

+65 6760 1139



bit.ly/alkhairmosque

Satu Ayat Al-Quran Bagi Menjadi Muslim Yang Baik

لَيْسَ الْبِرَّ أَنْ تُوَلُّوا وُجُوهَكُمْ قِبَلَ الْمَشْرِقِ وَالْمَغْرِبِ وَلَكِنَّ الْبِرَّ مَنْ
ءَامَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَالْمَلَائِكَةِ وَالْكِتَابِ وَالنَّبِيِّنَ وَءَاتَى الْمَالَ عَلَى
حُبِّهِ ذَوِي الْقُرْبَىٰ وَالْيَتَامَىٰ وَالْمَسْكِينِ وَابْنَ السَّبِيلِ وَالسَّائِلِينَ

“Bukanlah perkara kebajikan itu hanya kamu menghadapkan muka ke pihak timur dan barat, tetapi kebajikan itu ialah **berimannya seseorang kepada Allah dan hari Akhirat dan segala malaikat dan segala Kitab dan sekalian Nabi dan mendermannya** seseorang akan hartanya sedang dia menyayanginya, kepada kaum kerabat dan anak-anak yatim dan orang-orang miskin dan orang yang terlantar dalam perjalanan dan kepada orang-orang yang meminta...

وَفِي الرِّقَابِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَاتَى الزَّكَاةَ وَالْمُؤْفُونَ بِعَهْدِهِمْ إِذَا عَاهَدُوا
وَالصَّابِرِينَ فِي الْبَأْسَاءِ وَالضَّرَّاءِ وَحِينَ الْبَأْسِ أُولَئِكَ الَّذِينَ صَدَقُوا
وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُتَّقُونَ

.. Dan untuk **memerdekakan hamba-hamba abdi** dan **mengerjanya seseorang akan solat** serta **mengeluarkan zakat** dan perbuatan orang-orang yang **menyempurnakan janjinya** apabila mereka membuat perjanjian dan ketabahan orang-orang yang sabar dalam masa kesempitan dan dalam masa kesakitan dan juga dalam masa bertempur dalam perjuangan perang Sabil. (Orang-orang yang demikian sifatnya), mereka itulah orang-orang yang benar (beriman dan mengerjakan kebajikan) **dan mereka itulah juga orang-orang yang bertakwa.**" (Al-Baqarah:177)

PELAJARAN

Ayat ini memberitahu tentang **sifat-sifat orang-orang yang bertakwa**, atau **bagaimana untuk menjadi insan yang bertakwa**. Ia menjadi tujuan utama ajaran Islam dan objektif penting usaha dakwah.

Sifat-sifat itu ialah;

- a) beriman kepada Allah taala, hari Akhirat, para malaikat, kitab-kitab yang diwahyukan Allah taala untuk panduan manusia, dan para anbiya', atau dengan kata mudahnya, **beriman dengan rukun iman dalam Islam**
- b) menunaikan solat dan mengeluarkan zakat, atau dengan kata mudahnya **mengamalkan rukun Islam yang lima**
- c) **bersifat penyayang dan perihatin akan keadaan sekeliling**



d) menunjukkan sifat penyayang melalui amalan sedekah atau membantu mereka yang kurang bernasib baik dari kalangan ahli keluarga dan anggota masyarakat, membela golongan yang tertindas i.e. hamba dan berjuang di jalan Allah taala

e) menunaikan janji yang juga meliputi memenuhi tanggungjawab kontrak kerja dan perniagaan atau dengan bahasa terkini **bersikap profesional dalam apa jua urusan**


f) **sabar dalam menghadapi segala urusan kehidupan**

g) **berharta**, kerana tanpa harta, tidak mungkin seorang Muslim dapat bersedekah dan mengeluarkan zakat sebagaimana yang dianjurkan dalam ayat di atas

Ini pula menunjukkan sifat rajin berusaha dan bekerja kerana harta tidak diperolehi dan terkumpul tanpa usaha keras.

Dengan erti kata lain, **Muslim yang baik;**

- a) **rajin beribadah** (aspek kerohanian)
- b) **rajin membuat kerja kebajikan dalam masyarakat** (aspek kemasyarakatan dan politik)
- c) **rajin bekerja** (aspek ekonomi)
- d) **tidak pentingkan diri sendiri dalam segala bidang**
- e) **perihatin akan nasib orang lain**
- f) **penyumbang aktif dalam masyarakat**
- g) **dermawan**
- h) **tidak menjadi beban bagi orang lain**

- 
- i) **sabar** (termasuk juga cekal, tabah dan yang seerti dengannya) dalam menghadapi cabaran
 - j) **pengasih dan penyayang**
 - k) **amanah, benar, jujur, tunaikan janji dan profesional**
 - l) **jauhi sifat menipu, curang, curi tulang, kaki lewat, makan rasuah dan sebagainya**
 - l) **bertanggungjawab terhadap diri, keluarga dan masyarakat**
 - m) **bukan menumpukan perhatian hanya kepada kecemerlangan dalam bidang akademik (intelekt), tapi juga kecemerlangan dalam memiliki nilai-nilai murni dalam diri.**

Ayat ini, jika dihayati dengan baik, memadai untuk menjadikan Muslim insan yang baik dan cemerlang.

Jika satu ayat Al-Quran sahaja mempunyai potensi besar dalam membentuk seorang insan, **bayangkan bagaimana Al-Quran dapat memberi kesan positif kepada diri manusia jika keseluruhan isinya digali dan diterjemahkan dalam kehidupan sebenar.**



Harap artikel ini bermanfaat bagi anda. Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membalas budi anda dengan kebaikan setimpa!



Jika satu ayat Al-Quran sahaja mempunyai potensi besar dalam membentuk seorang insan, **bayangkan bagaimana Al-Quran dapat memberi kesan positif kepada diri manusia jika keseluruhan isinya digali dan diterjemahkan dalam kehidupan sebenar.**



Harap artikel ini bermanfaat bagi anda. Sumbangan ikhlas anda amat kami hargai.

1. PayNow UEN S97MQ0018D
2. Pemindahan Wang OCBC Current 581-6766-40001

Kami berterima kasih dan moga Allah SWT merahmati dan membalas budi anda dengan kebaikan setimpal!

